



KENYATAAN MEDIA

PENDAFTARAN BAGI KEPUTUSAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH (PSR) 2021 MELALUI PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS (SMS)

Khamis, 6 Januari 2022 – Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn Bhd (DST), Progresif Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan **Keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tahun 2021**.

Ibu bapa/Penjaga dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini adalah dikehendaki untuk mendaftar secara atas talian melalui laman web Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau portal e-Darussalam di www.gov.bn.

Pendaftaran juga dapat dilaksanakan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan memasukkan teks berikut: **MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]** dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST dan 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn Bhd.

Untuk makluman, tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui laman web atau telefon bimbit. Ibu bapa/penjaga dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada hari **Jumaat, 7 Januari 2022**.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran sejumlah B\$3.00 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa/penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung melalui emel moeresults@machbrunei.com atau layari laman web <http://www.machbrunei.com/moe/>.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Jabatan Peperiksaan
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/111

Tarikh: 3 Jamadilakhir 1443H / 6 Januari 2022M



www.moe.gov.bn



feedback@moe.gov.bn



2381301



Ministry of Education
Brunei Darussalam



[moe_brunei](https://www.instagram.com/moe_brunei)



[MOEducation_BRN](https://twitter.com/MOEducation_BRN)



MEDIA STATEMENT

REGISTRATION FOR PENILAIAN SEKOLAH RENDAH (PSR) RESULTS 2021 THROUGH SHORT MESSAGING SERVICE (SMS)

Thursday, 6 January 2022 – The Ministry of Education in collaboration with Datastream Digital Sdn Bhd (DST), Progresif Sdn. Bhd. and Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) will be offering Short Messaging Service (SMS) for the upcoming examination results for 2021 Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Subscribers (parents/guardians and students) who wish to subscribe to this service are required to register online through the Ministry of Education's website at www.moe.gov.bn or the e-Darussalam portal at www.gov.bn.

Subscribers can also register through their mobile phones via **Short Messaging Service** and will need to input the following text; **MOE<space>REG<space>[CENTRE CODE]<space>[CANDIDATE NUMBER]** and send to 8885555 for DST Subscribers or 38666 for Progresif Sdn. Bhd. Subscribers.

No charges will be applied for registration made through the Ministry of Education's website or mobile phones. Subscribers may begin subscribing to this service starting from **Friday, 7 January 2022**.

Examination results will only be sent to subscribers via SMS upon approval from the Department of Examinations, Ministry of Education to release these results. Subscribers will be charged an amount of B\$3.00 for each SMS result received.

The Ministry of Education hopes that this service will benefit members of the public, especially parents/guardians and students as well as the Ministry of Education's stakeholders in general.

For more information or any further enquiries on how to register, emails can be sent to the following address at moeresults@machbrunei.com or visit their website at <http://www.machbrunei.com/moe/>.

- END -

Prepared by:
Department of Examinations
Ministry of Education
Brunei Darussalam

Issued by:
Corporate Communications Division
Ministry of Education
Brunei Darussalam

Reference: KPE/CCD/K1:2/PR/111

Date: 3 Jamadilakhir 1443H / 6 January 2022M